

JIHAD PENDIDIKAN: SATU SOROTAN KEPADA AUTOBIOGRAFI AL-GHAZĀLĪ (1058M-1111M) *AL-MUNQIDH MIN AL-DALĀL*

Kamal Azmi Abd Rahman¹
Jabatan Usuluddin, Akademi Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

kamalazmi@kuis.edu.my¹

ABSTRAK

Al-Ghazālī merupakan seorang cendiakawan Islam yang hidup di era kegemilangan Islam. Sebaris dengan tokoh-tokoh ilmuan yang lahir di era emas ini, al-Ghazālī telah menguasai pelbagai disiplin dan cabang ilmu seperti ilmu kalam, falsafah dan taṣawwuf. Sebagai seorang penulis yang prolifik, beliau telah menulis hampir 400 buah karya dalam pelbagai bidang. Oleh kerana ketokohan dan keilmuan tersebut, kajian mengambil inisiatif untuk membentangkan pengalaman keilmuan beliau yang telah dinukilkan di dalam sebuah autobiografi unik bertajuk *al-Munqidh min al-Dalāl*. Kajian ini merupakan kajian kepustakaan analisis kandungan terhadap autobiografi tersebut dan beberapa karya-karya lain yang ditulis oleh al-Ghazālī. Selain itu, kajian-kajian lain yang mengkaji pemikiran al-Ghazālī juga akan dirujuk. Kajian mendapatkan bahawa *al-Munqidh* merupakan sebuah tulisan yang signifikan bagi golongan pendidik dalam memahami tujuan profesion mereka serta panduan dalam mengahadapi cabaran-cabaran dalam dunia pendidikan.

Kata kunci: Al-Ghazālī, *al-Munqidh min al-Dalāl*

PENGENALAN

Al-Ghazālī (1058M-1111M) merupakan seorang tokoh yang terkenal di zaman pertengahan era ketamadunan Islam. Beliau telah mengusai bidang uṣūl al-fiqh, ‘ilm al-kalām, falsafah, perbandingan agama dan taṣawwuf. Bahkan di akhir hayatnya, al-Ghazālī sedang menekuni bidang hadis khususnya kitab Ṣahīḥ Bukhārī dan Muslim. Oleh kerana kemampuannya menguasai pelbagai cabang ilmu ini, beliau digelar sebagai *polymath*, iaitu seorang yang luas pengetahuannya. Beliau juga digelar sebagai *hujjah al-Islām* kerana tulisan-tulisan beliau yang menjadi hujah benteng mempertahankan Islam. Karya-karya tulisan beliau masih segar dan menjadi rujukan para pengkaji di zaman ini sama ada di alam Islam mahupun Barat. Antara karya al-Ghazālī yang penting ialah *al-Munqidh min al-Dalāl*. Karya yang diibaratkan sebagai sebuah autobiografi ini telah menceritakan tentang pengalaman kembara ilmu beliau terutama dalam menjawab persoalan tentang kebenaran dan epistemologi. Seperti yang dinyatakan dalam pendahuluan *Penyelamat Dari Kesesatan* terjemahan *al-Munqidh* oleh Abdulfatah Haron (1997) terdapat tiga sumbangan besar al-Ghazālī melalui karya ini iaitu kritikan beliau terhadap falsafah Yunani, penentangan terhadap fahaman *bāṭiniyyah* dan memperkenalkan taṣawwuf yang mencantumkan ilmu dan amal berasaskan Quran dan Sunnah. Oleh itu, pengkaji melihat ketokohan al-Ghazālī dan sumbangan beliau dalam bidang ilmu khususnya melalui penulisan *al-Munqidh* wajar diteladani oleh para ilmuan Islam kontemporari bagi membina jati diri dalam persoalan jihad pendidikan. Jihad pendidikan adalah suatu bentuk kesungguhan dalam ibadat yang pastinya akan diberikan ganjaran oleh Allah. Al-Ghazālī (1991: 13) di dalam *al-Munqidh* telah menyatakan:

Tujuan cerita-cerita ini diceritakan ialah supaya orang ramai faham bahawa mengerjakan amalan ibadat hendaklah dengan hati yang bersungguh-sungguh. Kesannya nanti akan samapi ke satu peringkat yang tingginya tak termimpi

AL-GHAZĀLĪ DAN AUTOBIOGRAFI *AL-MUNQIDH MIN AL-DALĀL*

Nama sebenar al-Ghazālī atau dikenali juga sebagai *Algazel* di Barat ialah Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad al-Ghazālī. Beliau dilahirkan pada 1058M/450H di wilayah Ṭus berhampiran dengan Khurasān dan telah meninggal dunia pada 1111M/505H. Beliau merupakan seorang cendiakawan Muslim yang telah mengusai pelbagai disiplin ilmu Islam terutamanya teologi, fiqh, falsafah dan juga tasawwuf. Ketokohan dan keilmuan al-Ghazālī tidak hanya diperakui oleh pengkaji Islam bahkan turut sama diiktiraf oleh pengkaji-pengkaji Barat seperti Montgomery Watt (1953: 14-16) yang mengaggap al-Ghazālī adalah seorang tokoh Islam yang berpengaruh selepas Nabi Muḥammad s.a.w. Sumbangan dan dedikasi beliau dalam dunia keilmuan Islam juga melayakkannya menerima gelaran *ḥujjah al-Islam* yang menjadi hujah atau bukti kepada Islam. Karya penulisan al-Ghazālī seperti yang dinyatakan oleh para sejawaran mencecah sehingga ke 400 buah karya tetapi yang sampai kepada kita pada hari ini hanya kira-kira 50 buah sahaja. Kebanyakkan karyanya ditulis sama ada dalam Bahasa Arab atau Persia. Karya-karya ini juga masih lagi giat dikaji dan dibahaskan sehingga hari ini oleh pengkaji-pengkaji sama ada di dunia Islam atau di Barat.

Pembinaan karakter dan keilmuan al-Ghazālī dibantu oleh ketokohan guru-gurunya. Antara gurunya ialah Imām al-Haramayn al-Juwainī¹ iaitu seorang ulamā' yang terkenal di zamannya. Oleh kerana kecemerlangan akademik yang ditunjukkan oleh al-Ghazali, al-Juwainī telah mencalonkan beliau sebagai pembantunya sekaligus mengangkat reputasinya sebagai seorang cendiakawan muda Islam di waktu itu. Al-Ghazālī juga seorang yang berani dan berjiwa besar sejak dari usia remajanya lagi sehingga dia mampu untuk menguasai sesuatu ilmu yang dipelajarinya. Beliau telah mencapai puncak dalam kariernya ketika usianya baru mencecah 34 tahun. Pada usia semuda ini, beliau dilantik menjadi professor atau mahaguru di al-Nīzāmiyyah². Pada ketika ini juga beliau sedang giat mempelajari falsafah bersendirian dan telah menulis beberapa buah buku tentang falsafah seperti *Maqāṣid al-Falāsifah*. Seterusnya, beliau

¹ Abu al-Ma'álī al-Juwainī (1028M-1085M) bermazhab Shāfi'i dan mengikut aliran al-Ash'rah dalam Ilmu Kalam. Beliau dilahirkan di Nesyabur dan belajar serta mengajar menggantikan tempat ayahnya. Kemudian berpindah belajar di Baghdād dan tinggal di Mekah dan Madinah, mengajar dan memberi fatwa. Oleh kerana itu juga beliau digelar sebagai Imām al-ṣaramayn.

² Al-Nīzāmiyyah ialah sebuah universiti di Baghdād yang pada masa kini dapat disetarakan dengan universiti-universiti terkenal seperti Oxford dan Harvard.

telah mengkritik dan menyangkal beberapa bahagian dalam ilmu falsafah di dalam penulisannya yang terkenal iaitu *Tahāfut al-Falāsifah*. Penulisan ini telah memberi dimensi baru dalam perbincangan falsafah Islam kerana pada awalnya falsafah mempunyai hubungan yang rapat dengan falsafah Yunani terutamanya idea-idea neo-Platonik dan Hellenistik. Selain itu, penulisan dan pemikiran al-Ghazālī juga telah mempengaruhi sebahagian ahli falsafah dan pemikir-pemikir beragama Kristian dan Yahudi di abad pertengahan di Barat seperti St. Thomas Aquinas (1225M-1274M), Blaise Pascal (1623M-1662M) dan Moses Maimonides (1135M-1204M).

Al-Munqidh pula merupakan karya beliau yang mempunyai keunikannya tersendiri kerana mencatatkan beberapa peristiwa penting dalam hidupnya. Antaranya ialah krisis spiritual yang beliau alami pada 488H/1095M. Pergolakan rohani ini menyebabkan beliau sakit sehingga beliau tidak boleh mengajar walau jasmaninya kelihatan sihat. Beliau kemudian mengambil keputusan untuk meninggalkan kerjayanya di Baghdād dan berkelana sebagai pengambara sufi. Setelah beberapa lama berkelana ke Damsyik, Jurusalem, mengerjakan haji di Mekah dan Madinah, beliau kembali ke Ṭus dan menghabiskan beberapa tahun lagi beruzlah dan mengamalkan *ṭarīqah* taṣawwuf bersama murid-muridnya. Beliau juga menceritakan di dalam autobiografi ini mengapa beliau meletakkan jawatannya di Baghdād walaupun ketika itu beliau mempunyai pelajar yang ramai dan setelah beberapa lama kemudian menyandang kembali jawatan yang seumpama itu di Neysyabur (al-Ghazālī 1991:2). Tujuan beliau kembali semula ke dunia akademik di Neysyabur adalah untuk mendedahkan beberapa penyelewengan yang berlaku dalam masyarakat selain daripada atas permintaan sultan (al-Ghazālī 1991:77). Oleh itu, pengalaman yang telah direkodkan oleh al-Ghazālī di dalam *al-Munqidh* ini dianggap penting oleh tokoh falsafah dan ahli psikologi Barat iaitu William James (2012: 307) dimana beliau menyatakan di dalam bukunya *Variety of Religious Experience* bahawa teks autobiografi ini penting bagi memahami tentang kekuatan pengalaman spiritual dalam agama. Selain itu, seperti yang dinyatakan oleh Majid Fakhry (1970: 245), *al-Munqidh* juga dibandingkan dengan *Confession* tulisan St. Agustine (354M-430M) yang menceritakan tentang kegelisahan intelektual dan spiritual. Berkaitan dengan autobiografi ini, Abdulfatah Haron (1997: xi) menyatakan:

Kerana ini adalah sebuah buku seakan-akan autobiografi tapi bukanlah autobiografi dalam erti kata yang sebenarnya. Autobiografi ertinya riwayat hidup seseorang yang ditulisnya sendiri tetapi buku ini lebih menekankan hujah-hujahnya bagi menegakkan teori adanya wahyu kepada para nabi. Iaitu satu tahap ilmu yang lebih tinggi daripada paras rasional. Lagipun bukanlah dia menulis menurut urutan masa (*chronology*) tetapi dia memulakan dengan permasalahan sumber pengetahuan seperti yang dilakukan oleh Descartes (1596-1650) yang muncul lebih 500 tahun kemudian daripadanya. Imam al-Ghazālī menolak *taqlīd*, sumber pancaindera dan akal dan akhirnya dengan cahaya yang disuluh Allah dalam dadanya, dia kembali semula mempercayai peranan pancaindera dan akal itu. Mulai dari sinilah al-Ghazālī membahagikan aliran-aliran pencari kebenaran itu keapda empat iaitu Ilmu Kalām, Falsafah, Ta‘līmiyyah dan Taṣawwuf.

Dalam proses *mujāhadah* dan kembara ini, al-Ghazālī telah menyiapkan sebuah karya monumental iaitu *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*. Penulisan *Iḥyā’* telah berjaya mengharmonikan segala aspek dan elemen dalam Islam seperti *tawḥīd*, *fiqh* dan *taṣawwuf* berserta konsep ilmu dan amal. Selain itu, ia juga dilihat sebagai usaha beliau untuk mendamaikan aliran pemikiran salaf atau ortodoks Islam dengan *taṣawwuf* atau fahaman mistik Islam (Ninian Smart 2008: 247). Di dalam *Iḥyā’*, al-Ghazālī telah membentangkan secara rasional doktrin tasawuf serta telah menyusun ilmu ini secara sistematik (M. Amin 1992: 12). Berdasarkan sumbangan ini, maka tidak hairanlah jika beliau dianggap sebagai seorang *mujaddid* di kurunnya. Ninian Smart (2008: 246) dalam bukunya yang telah diterjemah ke dalam Bahasa Melayu dengan tajuk *Falsafah Dunia* juga menyatakan bahawa al-Ghazālī adalah tokoh intelektual penting dalam sejarah Islam kerana telah memberikan sumbangan dalam perkembangan ilmu-ilmu Islam. Oleh itu, segala pengalaman dan usaha al-Ghazālī dalam pembangunan diri yang tercatat dalam autobiografi ini wajar dijadikan contoh dan diteladani oleh para pendidik dan ilmuan Islam masa kini.

PEMBANGUNAN DIRI KOMPREHENSIF ASAS JIHAD PENDIDIKAN AL-GHAZĀLĪ.

1. Mencari Kebenaran dan Memerangi Kebatilan

Autobiografi *al-Munqidh* menceritakan tentang kembara ilmu al-Ghazālī yang telah menemukan beliau kepada empat aliran pemikiran utama iaitu ‘ilm al-kalām (teologi)³, falsafah⁴, bātiniyyah⁵ dan taṣawwuf⁶. Al-Ghazālī telah mengkaji ‘ilm al-kalām, mempelajari ilmu falsafah dengan sendiri tanpa guru di saat dia menjawat jawatan mahaguru di Baghdad, mengkaji tentang penyelewengan bātiniyyah dan menghayati amalan kesufian. Usaha yang dijalankan oleh al-Ghazālī ini tidak didorong oleh faktor lain kecuali ingin mendapatkan kepastian dan jawapan yang memuaskan tentang kebenaran. Oleh itu, ketajaman minda yang dimiliki oleh seorang pendidik perlu diselangi dengan jiwa yang kental dalam usaha mencari ilmu. Al-Ghazālī (1991: 4) telah menceritakan tentang kesungguhannya dalam mencari ilmu di dalam *al-Munqidh*:

Sejak aku masih muda lagi, yakni belum pun aku mencapai umur dua puluh tahun sehingga sekarang, dan kini umurku telah melebihi lima puluh tahun, aku telah terjun ke dasar laut (yakni ilmu) yang dalam ini. Tiada aku hiraukan segala kesulitan dan telah aku kumpulkan seluruh keberanianaku. Setiap jurang aku masuki sehingga aku sampai ke dasarnya. Setiap kemasukan aku bongkar sehingga aku temui jawapannya yang jelas. Aku selidiki setiap kepercayaan dari setiap golongan. Aku korek hingga sampai ke dasar rahsia tersembunyinya. Ini semua telah aku lakukan agar aku dapat membezakan di antara yang benar dengan yang palsu, yang sunnah dengan yang bid'ah. Ketika aku bertemu dengan golongan bātiniyyah, aku telah memeriksa dengan penuh teliti segala isi ajaran mereka. Ketika aku bertemu dengan kaum zāhiriyyah pula, aku telah menyelidiki segala isi kandungan dan selok-belok ajaran mereka. Demikianlah halnya aku teruskan dengan setiap golongan. Ketika aku bertemu dengan ahli-ahli falsafah, aku telah bergaul dengan mereka sehingga aku dapat mendalamai cara pemikiran falsafah mereka. Ketika aku bertemu dengan ahli-ahli ilmu kalam, aku telah bergaul dengan mereka sehingga aku dapat mengikuti dan menyelidiki pokok-pokok

³ Ilmu Kalam atau ‘Ilm al-Kalām telah berkembang bagi membela dan mempertahankan *Aqidah ahl al-Sunnah* daripada diserang oleh golongan mu’tazilah dan zindiq. Ahli kalam bersenjatakan ilmu logik dan perdebatan yang bersistematis dan berjaya mematahkan hujah golongan *bid’ah* ini. Ahli ilmu kalam mengaku bahawa merekaalah ahli *ra’yu* dan *nazar* (orang yang melahirkan pendapat dan menggunakan spekulasi intelek atau renungan akal). al-Ghazālī menghargai usaha ilmu kalam tetapi tidak dapat memenuhi kehendak batinnya sebagai sufi kerana ilmu ini mementingkan polemik logik dan metafizik. Seperti katanya “Ilmu Kalam ini boleh memenuhi tujuannya, tetapi tidak memenuhi tujuanku”.

⁴ Ahli falsafah menyangka merekaalah ahli *mantiq* (logik) dan *burhān* (pembuktian). Golongan ini terbahagi kepada 3; *Dahriyyūn* (*Materialists/Atheist*), *Tabī’iyūn* (*Naturalists*) dan *Ilāhiyyūn* (*Theists*). Pada pandangan al-Ghazālī, ketiga-tiga aliran ini adalah menyesatkan. Tambahan lagi, al-Ghazālī menegaskan bahawa falsafah dan sains jika tidak dipandu oleh wahyu akan membawa kepada kesesatan dan kekufuruan. Al-Ghazālī menyatakan di dalam buku ini bagaimana caranya memisahkan pemikiran yang benar daripada pemikiran yang salah yang terdapat dalam falsafah kerana perbincangan falsafah pada zaman al-Ghazālī meliputi ilmu-ilmu sains. Perbincangan dalam persoalan metafizik dalam falsafah bukan sahaja menyebabkan kesesatan malahan membawa kepada kekufuruan ahli falsafah dalam tiga perkara yang dibahaskan secara terperinci oleh al-Ghazālī. Terdapat dua puluh masalah dalam falsafah; 17 adalah *bid’ah* dan 3 yang lain wajib dikafirkhan.

⁵ Ajaran bātiniyyah, ta’īmiyyah atau Ismā’iliyyah mendakwa bahawa ilmu dan kebenaran (*al-haq*) hanya diperolehi melalui *Imām* yang *ma’sum*. Ajaran ini mempunyai kaitan dengan doktrin ajaran shī’ah tentang konsep *imāmah*.

⁶ Ahli taṣawwuf mengaku merekaalah orang istimewa di hadrat Allah, mereka jugalah ahli *mushāhadah* dan *mukāsyafah*. Dalam perbincangan tasawwuf al-Ghazālī menolak penggunaan perkataan *hulul*, *ittihād*, *wuṣūl* bagi menjelaskan hubungan dengan Allah.

pegangan hujah-hujah mereka. Begitu juga apabila aku berdamping dengan para sufi, aku telah berusaha sehingga aku dapat mengetahui rahsia-rahsia kesufian. Ketika aku bergaul dengan ahli-ahli ibadat, aku telah mengkaji kesan-kesan amal ibadat mereka itu. Dan tiadalah aku temui kaum zindiq dan kaum ingkar melainkan aku telah menyelidiki sebab-sebab dan latar belakang yang telah menjadikan mereka berpegangan demikian.

Mencari jawapan tentang persoalan kebenaran ini juga menyebabkan al-Ghazālī telah jatuh sakit hampir dua bulan lamanya dan telah hidup dalam keraguan, skeptik atau *sophis*.⁷ Beliau sangat terganggu dengan konflik antara pandangan kaum rasionalis dan tradisionalis (M. Mojum Khan 1991: 128). Kaum rasionalis mengaggap bahawa akal manusia lebih unggul daripada wahyu sebaliknya golongan tradisionalis menilai wahyu itu sudah sempurna sehingga ianya lebih berautoriti daripada akal manusia. Beliau telah meragui ilmu yang diwarisi secara *taqlīd* dan merasakan perlunya kepada ilmu yang dipanggil ilmu *yaqīnī*. Bagi al-Ghazālī, syarat bagi orang yang *bertaqlīd* adalah ia tidak tahu bahaa ia sedang *bertaqlīd*. Al-Ghazālī merasakan ilmu yang ada padanya ketika itu adalah ilmu tanggapan akal dan pancaindera atau *self-evident* semata-mata. Kedua-dua ini bukanlah ilmu *yaqīnī* dan beliau meragui kedua-duanya. Pada mulanya al-Ghazālī meragui ilmu yang diperolehi daripada pancaindera apabila berlaku pertentangannya dengan akal dan kemudian tentang pengalaman orang sufi seperti mimpi yang benar dan lintasan hati (al-Ghazālī 1991: 8-10). Melalui peristiwa ini, al-Ghazālī telah mengajar kita tentang bagaimana untuk mendapatkan kebenaran melalui keraguan. Keraguan mampu meningkatkan daya fikir seseorang dari aspek kreativiti serta mengajaknya untuk sentiasa melakukan penilaian kritikal terhadap sesuatu permasalahan. Walau bagaimanapun, tidak semua perkara terletak di dalam daerah keraguan ini. Oleh kerana itu, Ninian Smart (2008: 247) juga memperakui bahawa al-Ghazālī pernah berada dalam situasi keraguan untuk beberapa ketika akan tetapi tidak dapat dipastikan bahawa beliau pernah meragui akar umbi kepercayaan *sunnī*. M. Mojum Khan (1991: 129) juga menggambarkan keadaan keraguan yang dialami oleh al-Ghazali adalah satu keraguan yang tidak bertentangan dengan iman sehingga beliau meragukan keberadaan Tuhan.

⁷ Fenomena *skepticism* yang melanda diri al-Ghazālī adalah mirip dengan apa yang telah berlaku pada Descartes (1596M-1650M) tetapi cara penyelesaiannya berbeza kerana al-Ghazālī kembali kepada Allah untuk mendapatkan cahaya kebenaran manakala Descartes menyelesaikan dengan dirinya melalui ungkapan beliau yang terkenal *cogito ergo sum*.

Penentangan terhadap sesuatu kebatilan atau penyelewengan mestilah dengan tegas beserta ilmu. Semasa hayatnya, al-Ghazālī telah berusaha memerangai ilmu kalam, ajaran bātiniyyah, pemikiran falsafah dan ajaran taṣawwuf yang menyeleweng. Beliau menentang pemikiran dan ajaran tersebut dengan ilmu serta hikmah dan bukan dengan *hentam kromo* sahaja. Bagi al-Ghazālī (1991: 21-22), seseorang itu tidak dapat mendedahkan kecacatan sesuatu pemikiran kecuali dia sendiri lebih dahulu memahami ilmu itu dengan sedalam-dalamnya. Menolak sesuatu aliran sebelum memahaminya dengan teliti diibaratkan seperti menembak tidak tentu arah dengan membabi buta. Buktinya, beliau telah menguasai ilmu kalam di bawah bimbingan al-Juwainī dan telah menemukan banyak kelamahan pada ilmu ini terutama dalam hal tiada kesamaan pandangan ahli kalam dalam perdebatan mereka. Beliau kemudiannya berusaha mendalami ilmu falsafah dahulu sebelum membuktikan kecelaruannya. Penguasaan al-Ghazālī dalam bidang falsafah dapat dilihat melalui penulisan *Maqāṣid al-Falāsifah*. Beliau juga telah mengkritik falsafah di dalam *Tahāfut al-Falāsifah* dengan menyatakan bahawa falsafah mempunyai kepalsuan, kekaburan, kesamaran, khayalan, dan kepastian.⁸ Penulisan *Tahāfut* oleh al-Ghazālī juga menjadi titik permulaan perubahan perbincangan epistemologi Islam selain membetulkan pandangan Islam tentang ilmu asing. Oleh kerana itu, Majid Fakhry (1970: 244) menganggap al-Ghazali sebagai sosok paling hebat dalam sejarah Islam kerana usahanya menyerang aliran falsafah neo-Platonik tersebut.

Al-Ghazālī juga mengkaji ajaran bātiniyyah sebelum membuktikan kesesatannya. Beliau mengkritik fahaman ini yang telah berleluasa pada zamannya sehingga Niẓām al-Mulk (1018M-1092M) telah dibunuh oleh pembunuhan upahan daripada golongan ini. Al-Ghazālī mengkaji fahaman bātiniyyah atau ta'līmiyyah secara teliti dengan membaca tulisan-tulisan tentang fahaman ini kemudian mendedahkan syubhat mereka dan kebatilan fahaman ini bersama dalil yang jelas (al-Ghazālī 1991:40-41).⁹ Beliau menulis buku yang bertajuk *Fadā'ih al-Bātiniyyah wa al-Fadā'il al-Mustazhiriyyah* bagi membongkar permasalahan ini. Bagi al-Ghazālī sesuatu itu perlu dijelaskan dengan ilmu dan teknik perdebatan, bukan kefanatikan yang merosakkan sehingga membawa kepada

⁸ *Tahāfut al-Falāsifah* adalah kritikan keras kepada falsafah Yunani terutama kepada falsafah Aristotle dan Plato yang banyak diadaptasi oleh ahli falsafah Muslim seperti Ibn Sēnā dan al-Farābī. Kritikannya di dalam *Tahāfut* berkisar kepada tiga permasalahan utama iaitu tentang keabadian (*qadā'ah*) alam, Allah tidak mengetahui *juz'iyyah* (*particular*) dan manusia tidak dibangkitkan dengan jasad di Hari Kiamat.

⁹ Al-Ghazālī menolak doktrin *imām ma 'īmām* dalam fahaman ta'līmiyyah dengan membahaskan permasalahan ijtihād.

penularan fahaman ini (al-Ghazālī 1991: 41&49). Beliau telah mempraktikkan ajaran taṣawwuf sebelum mengkritik taṣawwuf yang mempunyai amalan-amalan atau kepercayaan yang diragui. Seperti yang dinyatakan oleh al-Ghazālī di dalam *al-Munqidh*, beliau telah membaca karya tulis tokoh-tokoh sufi seperti *Qūt al-Qulūb* oleh Abū Ṭālib al-Makkī (386H/996M), tulisan Hārith al-Muḥāsibī (243H/857M), beberapa tulisan al-Junayd (298H/910M), al-Shiblī (334H/945M) dan Abū Yazīd al-Bistāmī (261H/875M). Dalam permasalahan taṣawwuf ini, al-Ghazālī menolak penggunaan sebarang perkataan ketika mana berada di tahap pendampingan dengan Allah seperti *hulūl*, *ittihād* dan *wuṣūl*. Semuanya adalah salah menurut beliau seperti yang diterangkan dalam *Maqaṣid al-Asnā*. Kitab *Iḥyā'* yang ditulis sewaktu pengembaraan sufi beliau juga mencerminkan taṣawwuf yang menyatukan antara ilmu dan amal. Di dalamnya terdapat bahagian tauhīd, taṣawwuf, fiqh dan segala adab-adab Islam. Dalam persoalan mencari kebenaran dan memerangi kebatilan, al-Ghazālī (1991: 4) menyatakan:

Aku meneliti aqīdah kepercayaan setiap puak. Aku dedahkan rahsia-rahsia ajaran tiap-tiap kumpulan. Semuanya ini dengan tujuan hendak membezakan yang benar (*haq*) dan yang palsu (*bāṭil*) yang menurut sunnah Rasūlullāh dan yang bid'ah.

Daripada pengalaman keilmuan al-Ghazālī ini, para pendidik perlu mencontohi penilaian objektif yang telah dibuat oleh beliau kepada sesuatu fenomena atau permasalahan supaya penghukuman yang dibuat tidak hanya atas dasar ikut-ikutan atau *taqlīd*. Kajian perlu dijalankan dengan teliti dan pendedahan kepada sesuatu fenomena mestilah dijelaskan dengan menjawab persoalan asas seperti apa, mengapa dan bagaimana. Sumbangan al-Ghazālī dalam membentuk epistemologi Islam melalui kritikannya kepada falsafah Yunani memberikan panduan kepada pendidik tentang keperluan untuk meneliti sesuatu cabang ilmu yang ingin dikuasai. Metodologi pembuktian dan analisis yang digunakan oleh al-Ghazālī ini boleh dijadikan sebagai satu panduan kepada golongan pendidik Islam kini. Beliau telah berusaha untuk menguasai ilmu-ilmu kontemporari dan memahami aliran-aliran pemikiran yang ada pada zamannya. Penelitian ini adalah suatu proses untuk menapis nilai-nilai yang mempunyai potensi untuk merosakkan dan memanfaatkan sesuatu yang berguna daripadanya sahaja. Sebagaimana ilmu Yunani boleh dimanfaatkan dalam kertamadunan Islam suatu masa

dahulu, maka begitu juga ilmu-ilmu dan teknologi yang datang dari Barat pada masa kini boleh dimanfaatkan oleh golongan pendidik semasa. Serangan yang dibuat oleh al-Ghazālī kepada bātiniyyah juga mencerminkan ketegasan yang perlu ada pada seorang pendidik dalam memerangi kebatilan. Selain itu, penglibatan beliau dalam ilmu taṣawwuf tidak membutakannya daripada melihat kebatilan yang terdapat di dalam ilmu ini bahkan berjaya membetulkan pandangan awam tentang ilmu ini. Hasilnya, al-Ghazālī telah menyusun ajaran taṣawwuf secara sistematik yang selari dengan aliran utama Islam iaitu *ahl al-Sunnah*. Oleh itu, menjadi keperluan kepada setiap pendidik untuk mengetahui kebenaran dan memerangi segala kebatilan dengan tegas dan berhikmah.

2. Pemurnian Hati dan Pengukuhan Nilai Spiritual

Dalam pembentukan nilai spiritual dan kekuatan rohani dalam diri seorang pendidik, *mujāhadah* diri adalah jihad yang paling utama. Menelusuri autobiografi ini, dapat diketahui bahawa di peringkat awal al-Ghazālī menghadapi kesukaran untuk membuat keputusan sama ada ingin meninggalkan kerjayanya di Baghdaḍ sebagai pengembara sufi ataupun tidak (al-Ghazālī 1991:56). Pergolakan jiwa dan hatinya yang sentiasa dahagakan kebenaran menyebabkan beliau lemah dan keliru. Beliau tidak lagi mampu mengajar, makan dan minum serta bercakap sehingga doktor yang mengubati beliau juga sudah tawar hati untuk meneruskan rawatan (al-Ghazālī 1991:57). Akhirnya, beliau telah mengambil keputusan nekad untuk meninggalkan Baghdaḍ. Semua harta bendanya telah diwakafkan kecuali sedikit sahaja diambil sebagai bekalan untuk perjalanan beliau dan keperluan keluarganya (al-Ghazālī 1991:59). Berkaitan dengan *mujāhadah* dan usaha melawan nafsu ini, al-Ghazālī (1991:72) telah menyatakan:

“Jahil kepada Allah adalah membinasakan. Melanggar perintah Allah dengan mengikuti hawa nafsu itulah penyakit yang menyakitkan. Mengenal (makrifat) Allah itulah penawar bagi segala bisa. Patuh kepada perintahNya, dengan melawan hawa nafsu, itulah ubat yang paling mujarab.”

Seterusnya, bagi memastikan *mujāhadah* berlaku secara berterusan dan tidak leka dengan kenikmaatan dunia, para pendidik perlu melakukan *muḥāsabah* diri. Niat dan tujuan mendidik tidak boleh terganggu dengan perkara-perkara yang lain selain daripada

mencari redha Allah. Al-Ghazālī sewaktu berada di puncak kerjayanya pernah merasakan bahawa profesionnya ketika berada di al-Niẓāmiyyah adalah bersifat keduaniaan semata-mata. Semuanya diperhalusi oleh al-Ghazālī satu-persatu sehingga beliau merasakan bahawa ilmu yang ada padanya dan kerjaya yang dibina tidak akan dapat membantunya di Akhirat kelak. Al-Ghazālī (1991:56) seterusnya menukilkan:

Dengan serius aku merenungi keadaan diriku. Aku dapati diriku itu sudah terpikat dan terikat pada jaring keduniaan pada segenap pihak. Dengan serius aku melihat semua pekerjaanku – yang paling utama jawatanku sebagai mahaguru – rupa-rupanya aku ini berkecimpung dalam ilmu yang tidak penting, dan tidak boleh menolong dalam perjalanan ke Akhirat. Aku halusi apakah niat dalam hatiku menyandang jawatan mahaguru ini. Aku dapati rupa-rupanya tidak ikhlas dan tidak semata-mata kerana Allah. Malah penggerak dan pendorongya ialah memburu kemegahan dunia supaya namaku terkenal di mana-mana. Kalaulah begini niatku, maka tidak ragu-ragu lagi bahawa aku ini berada di pinggir jurang yang runtuh. Jika aku tidak bertaubat segera, terjurumuslah aku ke dalam neraka.

Setelah beberapa tahun berkelana dan *mujāhadah*, beliau kembali ke al-Niẓāmiyyah dan mengamalkan cara hidup sufi. Kali ini al-Ghazālī kembali mengajar di Neysyabur untuk membolehkannya melucutkan segala kemegahan dunia (al-Ghazālī 1991:80). Ia merupakan satu proses *tajdīd* dalam dirinya. Maka, memburu keikhlasan juga adalah jihad penting dalam pendidikan terutama bagi mereka yang terlibat secara langsung dalam kerjaya ini. Setiap pendidik perlu meletakkan tujuannya bekerja sebagai ibadah kepada Allah. Al-Ghazālī menjadi contoh kepada pendidik bahawa nilai material bukan suatu piawai bagi seorang pendidik akan tetapi nilai utamanya ialah keikhlasan. Jika keikhlasan terganggu oleh sogokan material ini maka, seorang pendidik perlu untuk memurnikan niatnya kembali. Apatah lagi kepuasan seseorang dalam kehidupannya bukanlah hanya sebuah pemburuan materialistik sahaja. Buktinya, al-Ghazālī telah meninggalkaan segala kedudukan dan kemewahan yang ada pada dirinya di Baghdād. Dalam tempoh persaraannya daripada bidang akademik, al-Ghazālī meneruskan kehidupan sebagai seorang sufi yang miskin, ber‘uzlah atau bersendirian serta melakukan aktiviti-aktiviti kerohanian. Jalan kesufian dan pembersihan rohani ini diperakui beliau sebagai jalan tertinggi dalam kehidupan manusia (M. Amin 1992: 12).

Menurut al-Ghazālī, skeptikal dalam permasalahan epistemologi yang dilaluinya hanya mampu diubati melalui pengukuhan pengalaman rohani. Melalui sejarah keilmuan beliau, nyatalah beliau merasa puas dan yakin dengan ajaran yang dibawa oleh taṣawwuf (al-Ghazālī 1991:1-2). Kesembuhannya daripada pergolakan jiwa juga bukan diperolehi melalui pendalilan logik sebaliknya dengan cahaya yang disuluhkan oleh Allah ke dalam dada (al-Ghazālī 1991: 11-12). Baginya kefahaman yang diberikan melalui jalan kesufian adalah juga merupakan jalan kenabian. Beliau mengakui sendiri bahawa jalan yang dilalui oleh ahli teologi dan ahli falsafah tidak akan mampu mencapai kepada hikmah yang sebenar. Oleh itu, beliau menegaskan bahawa wahyu dan kenabian merupakan lebih tinggi darjatnya dalam menetukan kebenaran jika dibandingkan dengan akal dan rasional manusia (al-Ghazālī 1991: 65). Ilmu yang diperolehi daripada akal dan pancaindera adalah terhad dan tidak terselamat daripada kesalahan. Ilmu yang diperolehi adalah ilmu yang tidak mutlak (*absolute*) dan ilmu ini hanyalah berdasarkan kepada *zan* atau *shak*. Jalan kenabian atau *ilhām* yang telah dilalui oleh beliau dapat dikaitkan tentang kepentingan ilmu wahyu. Maka, jihad pendidikan juga adalah jihad dalam mengakui dan memartabatkan ilmu wahyu. Usaha ini perlu berjalan secara menyeluruh di kalangan ahli akademik Muslim. Ini kerana perkembangan dunia akademik semasa lebih banyak mengiktiraf ilmu-ilmu Barat yang dibina dengan pertimbangan neraca rasional dan empirikal semata-mata. Oleh itu, menjadi tanggungjawab para ilmuan Muslim untuk mengembalikan ruh Islam kepada ilmu-ilmu yang telah diresapi oleh ruh sekular ini. Selain itu, pembahagian ilmu dan tingkatan-tingkatannya juga seharusnya difahami dan diteliti berdasarkan kepada kerangka epistemologi Islam dalam proses penyampaian ilmu kepada pelajar. Ini dapat memastikan pemindahan ilmu berlaku secara berterusan dan holistik kepada generasi yang mendatang.

KESIMPULAN

Kehidupan dunia moden hari ini telah meletakkan nilai material sebagai ukuran bagi sesebuah kemajuan dan pembangunan. Masyarakat moden akhirnya hidup dalam kepalsuan dan kekaburuan tentang kebenaran disebabkan pemburuan satu hala ini. Oleh itu, jihad yang paling utama bagi pendidik di era ini adalah jihad dalam mencari kebenaran dan menjelaskan hal kebenaran tersebut secara hikmah iaitu sesuai dengan

keperluan semasa. Al-Ghazālī telah menunjukkan kesungguhan beliau mencari kebenaran serta kepekaannya tentang kehendak semasa. Beliau bukan sahaja telah berjaya menguasai kebanyakkan cabang ilmu di zamannya bahkan juga menekuni ilmu-ilmu Yunani kerana ilmu tersebut banyak mendominasi pemikiran dan sikap ilmuan Islam ketika itu. Selain itu, jihad pendidikan kini adalah mengukuhkan jati diri dan nilai spiritual. Pengukuhan nilai spiritual menjadi tuntutan bagi manusia kerana manusia mempunyai tuntutan zahir dan batinnya. Ia menuntut *mujāhadah* dan *muḥāsabah* berterusan dalam jiwa pendidik bagi melawan nafsu dan memperbaiki diri. Hanya dengan pemurnian jiwa dan pengukuhan hati, pendidik mampu untuk menemui hikmah seperti yang dilakukan oleh al-Ghazālī. Secara tuntasnya, perjalanan keilmuan al-Ghazālī yang dicatatkan di dalam *al-Munqidh* wajar menjadi panduan yang berharga kepada pengajar, pendidik dan para ilmuan hari ini supaya kebenaran sentiasa menjadi matlamat dan keikhlasan pula kekal sebagai asas bagi orang yang inginkan kebenaran tersebut.

RUJUKAN

- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid. Taḥqīq. ‘Abd al-Ḥālim Maḥmūd. 1972. *Al-Munqidh min al-Dalāl*. Dār al-Kutub al-Ḥadīthah.
- _____. Terj. Abdulfatah Haron Ibrahim. 1991. *Penyelamat Dari Kesesatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. Terj. H. Rus'an. 2000. *Al-Jawahir. Intisari Falsafah al-Ghazali*. Thinker's Library Sdn. Bhd.: Batu Caves. Selangor.
- James, William. 2012. Bradley, Matthew, ed. *The Varieties of Religious Experience*. Oxford Univ Press.
- M. Amin Abdullah. 1992. *The Idea of Universality of Ethical Norms in al-Ghazali & Kant*. Ankara.
- Majid Fakhry. 1970. *A History of Islamic Philosophy*. New York & London: Columbia University Press.
- Muhammad Mojum Khan. 1991. *100 Muslim Paling Berpengaruh Sepanjang Sejarah*. Noura Books
- Muhamed Abu Bakr A. Musleh. 2012. *Al-Ghazali The Islamic Reformer*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Ninian Smart. Terj. Rosiyah Latif. 2008. *Falsafah Dunia*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Watt, W. Montgomery. 1953. *The Faith and Practice of Al-Ghazali*. London: George Allen and Unwin Ltd.